

LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN



KENYATAAN JUALAN LELONG SEMULA KALI KE-3 BAGI BARANG-BARANG YANG TIDAK DIISYTIHARKAN / DITINGGALKAN DI KAWASAN ZON BEBAS PELABUHAN KUANTAN

1. Dimaklumkan bahawa Lembaga Pelabuhan Kuantan selaku Pihak Berkuasa Zon Bebas Pelabuhan Kuantan akan **mengadakan jualan secara Perlelongan Awam bagi barangan / kargo seperti berikut:**

Tarikh : **29 Disember 2022 (Khamis)**

Masa : **10.00 pagi**
(Pendaftaran pembida bermula jam 9.00 pagi)

Tempat : **Dewan Seminar, Tingkat 3, Bangunan Perdagangan, Lembaga Pelabuhan Kuantan
Tg. Gelang, Km 25 Jalan Kuantan – Kemaman, 26080 Kuantan, Pahang Darul Makmur**

Jenis Barangan Lelongan : **Graphite Electrode** Kod Tarif Barangan : **8545.11.00 00**
Anggaran Saiz Per Unit Graphite Electrode : **1870mm (Length) x 400mm (Diameter)**



Bil.	No. Kontena (Bersaiz 20 Footer)	Bil. Pallet (Unit)	Kuantiti Graphite Electrode (Unit)	Berat Kasar (Kg)	Harga Simpanan (RM)	Deposit (RM)
1.	BMOU2568239	15	45	18,634	252,211.19	5% daripada
2.	PCIU2172755	15	45	18,596	251,696.86	Jumlah Harga
3.	TGHU2691207	15	45	18,465	249,923.78	Simpanan
	Jumlah	45	135	55,695	753,831.83	37,691.60

2. **Barang Lelongan boleh dilihat pada tarikh 20 Disember 2022 hingga 22 Disember 2022 bertempat di Yad Kontena, Kawasan Operasi Pelabuhan Kuantan jam 10.00 pagi. Pembida yang berminat digalakkan membuat pendaftaran awal secara atas talian dengan mengemukakan Nama Pembida / Syarikat beserta alamat, No. Telefon Bimbit dan Salinan Kad Pengenalan Pembida / Pemilik Syarikat (Berpaling) kepada perolehan@lpktn.gov.my.**

3. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti berikut:-

- Barang-barang akan dijual tertakluk kepada harga simpanan. Harga jualan adalah **TIDAK TERMASUK KONTENA** yang mengisi barangan tersebut dan kesemua kontena hendaklah dikembalikan kepada pemilik kontena yang sah setelah barang-barang dikeluarkan dari kawasan Zon Bebas Pelabuhan Kuantan.
- Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan, perlu mendaftar dengan Pegawai Pelelong dengan memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa lelongan dilakukan serta **membayar deposit sebanyak 5% daripada jumlah harga simpanan dalam bentuk Bank Deraf /Banker Cheque atas nama Lembaga Pelabuhan Kuantan**.
- Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawar yang tertinggi, aset berkenaan akan dilelong semula.
- Lembaga Pelabuhan Kuantan berhak mengubah susunan jualan tersebut seperti di senarai barang lelongan dan menarik balik mana-mana barang daripada senarai tersebut.
- Semua barang-barang adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- Lembaga Pelabuhan Kuantan tidak akan bertanggungjawab ke atas barang-barang yang telah dijual.
- Semua perbelanjaan bagi mengangkut barang-barang hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.
- Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, nombor kad pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa jualan dilakukan.
- Pembayaran penuh hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelongan.
- Pembida yang berjaya hendaklah mengambil barang-barang dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh lelong. Jika tidak Lembaga Pelabuhan Kuantan berhak untuk melupuskannya.
- Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum barang-barang boleh dikeluarkan dari kawasan Zon Bebas Pelabuhan Kuantan.
- Pembida yang berjaya hendaklah melantik agen penghantaran bagi urusan membuat pengikraran Borang Kastam No. 1 (K1) dan menjelaskan segala bayaran Duti Import (Nil) dan Cukai Jualan Import (10%) serta mendapatkan pelepasan barangan yang diikrarkan keluar dari kawasan Zon Bebas Pelabuhan Kuantan.

4. Sebarang pertanyaan berhubung dengan lelongan ini bolehlah menghubungi pegawai-pegawai zon bebas yang bertugas ditalian **019-9152219 (Ruslan) / 013-6107560 (Afifi) / 012-9073353 (Syahiran)**.